

Media dan Generasi Muda

SAMSUDIN A. RAHIM

© Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (YOUTH RESEARCH) 2008

YOUTH RESEARCH adalah sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, Institut ini akan melaksanakan pelbagai jenis program penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujudkan program penyelidikan dan latihan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan
ISBN 978-983-43270-9-5

Penulis

Prof. Dr. Samsudin A. Rahim

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
Aras 10, Menara KBS, Lot 4G4, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, Malaysia
Laman web: www.youth.org.my
Tel: +603 - 8871 3705
Faks: +603 - 8871 3342

Kandungan

	Pengenalan	5
Bab 1	Pembangunan dan Isu Sosial Remaja	13
Bab 2	Media dan Identiti Budaya Generasi Muda	31
Bab 3	Globalisasi dan Media Global	55
Bab 4	Media dan Pembentukan Realiti Sosial Remaja	77
Bab 5	Tingkah Laku Lepak, Media dan Pengawasan Keluarga	93
Bab 6	Pembangunan dan Perubahan Nilai Generasi Muda	109
Bab 7	Generasi Muda dan Internet: Tren dan Isu	127
Bab 8	Media dan Konstruksi Sosial: Implikasi Terhadap Isu Sosial Remaja	143
Bab 9	Industri Kandungan Tempatan dan Identiti Budaya	159
Bab 10	Harnessing Youth Potential in Development: A Case for Development Communication	173
Bab 11	The Emerging Generation: Media Penetration and the Construction of Identity among Young Adults in Malaysia	195
Bab 12	Globalization and National Agenda: Policies and Paradoxes for Youth Development	217
	Biodata Penulis	236

Pengenalan

Isu-isu mengenai salah laku generasi muda mula mendapat perhatian masyarakat di dalam pertengahan tahun 1990-an dengan berbangkitnya isu lepak, bohsia, buang bayi, penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Isu-isu ini mendapat liputan meluas di media sehingga menimbulkan kejutan moral seolah-olah negara mengalami hakisan nilai dan moral yang mendorong generasi muda ke arah melakukan salah laku.

Menyedari kejutan moral di kalangan masyarakat, kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melaksanakan kajian mengenai tingkah laku lepak di kalangan remaja. Kajian yang bermula sebagai kajian teroka di kalangan remaja di Kuala Lumpur pada 1994 telah dikembangkan menjadi satu kajian nasional dalam tahun 1995. Hasil kajian ini telah mendapat liputan meluas di dalam media untuk membantu orang ramai untuk memahami fenomena sosial generasi muda yang dianggap sebagai pewaris negara.

Kajian Tingkah Laku Lepak di Kalangan Remaja mendapati kebanyakan remaja yang melepak berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Ibu bapa mereka juga mempunyai pendidikan yang rendah. Majoriti remaja yang melepak didapati tidak mempunyai role model untuk dijadikan ikutan. Nilai harga diri dan keyakinan diri mereka juga berada di tahap yang

rendah. Selaras dengan hasil kajian dan usaha untuk menangani salah laku tersebut, kerajaan telah mengumumkan pelancaran Program Rakan Muda sebagai wahana pembangunan belia untuk memberi ruang generasi muda menggunakan masa lapang secara positif melalui sembilan gaya hidup.

Sudah lebih 15 tahun isu salah laku di kalangan generasi muda diberikan perhatian yang begitu besar oleh kerajaan. Namun begitu, isu tersebut masih lagi berlaku dan masih sukar dibendung. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna segala usaha untuk menangani isu ini tidak memberikan kesan. Di sebaliknya generasi muda tidak akan dapat dipisahkan dengan isu-isu kenakalan remaja terutama di kalangan mereka yang terpinggir daripada arus pembangunan negara dan tinggal di persekitaran yang tidak memberikan ruang bagi mereka melakukan pembangunan diri secara positif.

Himpunan artikel yang dibukukan ini pernah dibentang di seminar atau diterbitkan dalam buku dan jurnal sepanjang 15 tahun yang lalu yang dianggap akan dapat memberikan perspektif untuk kita lebih memahami erti pembangunan generasi muda dan isu-isu yang berkaitan dengannya. Sejumlah 12 artikel yang dimuatkan di dalam buku ini membicarakan isu belia di dalam pembangunan, pembentukan identiti budaya, konstruksi sosial, nilai-nilai yang mempengaruhi hidup remaja, perkembangan industri media dan kesannya kepada generasi muda, dan juga implikasi dasar-dasar kerajaan untuk menangani isu sosial di kalangan generasi muda di negara ini.

Artikel-artikel yang dimuatkan di dalam buku ini membicarakan isu-isu sosial remaja dalam konteks masa dan ruang yang tertentu sepanjang 15 tahun yang lalu. Fakta yang dilaporkan sudah tidak lagi merupakan data semasa tetapi masih perlu dibentangkan untuk menguraikan keadaan ketika itu. Apa yang penting adalah isu yang cuba diketengahkan. Walaupun masa telah berlalu, namun hujah-hujah, analisis diagnostik dan penyelesaiannya masih relevan sehingga masa kini. Tujuan utama artikel-artikel yang dimuatkan di dalam buku ini adalah untuk melihat isu sosial generasi muda dari perspektif yang lebih menyeluruh agar penyelesaiannya dapat dilakukan dengan sistematik melalui intervensi sosial yang tertentu. Sesungguhnya, kita tidak boleh menangani isu sosial generasi muda hanya dengan menangani pengisian masa lapang mereka sahaja.

Pendekatan mengisi masa lapang adalah sebahagian daripada usaha pembangunan generasi muda. Tetapi dengan hanya menumpukan usaha untuk memberikan peluang pengisian masa lapang kepada generasi muda bukanlah satu pendekatan pembangunan generasi muda yang efektif. Generasi muda sebagai pewaris memerlukan pengisian positif di dalam pembentukan jati diri mereka untuk membolehkan mereka menyumbang ke arah pembangunan negara.

Himpunan artikel di dalam buku ini bukanlah untuk membicarakan mengenai pembangunan generasi muda secara menyeluruh. Tumpuan buku ini adalah untuk memberikan peluang kepada pembaca mendalami salah satu isu yang dikaitkan dengan generasi muda iaitu pengaruh media terhadap pembangunan diri generasi muda. Tema Media dan Generasi Muda ini diharapkan akan dapat mengupas perkembangan, pengaruh, peranan dan juga kesan media terhadap pembangunan generasi muda di negara ini.

Buku ini dimulakan dengan Bab 1, Pembangunan dan Isu Sosial Remaja yang membicarakan evolusi pembangunan yang dengan sendirinya mengubah persekitaran generasi muda dan kemudiannya mengubah nilai dan tingkah laku mereka. Kemajuan yang dinikmati oleh negara bukan sahaja membawa perubahan tetapi juga menuntut perubahan. Untuk menampung keperluan asas hidup dan gaya hidup baru hasil daripada perubahan dan pembangunan, banyak keluarga yang terpaksa berada di luar rumah lebih lama daripada sepatutnya untuk meningkatkan pendapatan selaras dengan gaya hidup yang baru. Hasilnya keluarga ini tidak dapat membantu perkembangan emosi anak-anak mereka. Kombinasi isu sedemikian dengan imej baru mengenai remaja yang dipaparkan di dalam media serta tuntutan untuk berubah agar selaras dengan trend semasa mempengaruhi perubahan tingkah laku remaja di dalam menjalani hidup mereka seharian. Bab ini diharapkan akan meletakkan isu sosial remaja di dalam satu perspektif untuk kita memahami fenomena ini.

Bab 2, Media dan Identiti Budaya Generasi Muda menghuraikan perkembangan peranan media di dalam pembangunan negara. Industri media dibangunkan dahulu bagi tujuan membantu kerajaan di dalam usaha menyampaikan maklumat pembangunan kepada rakyat jelata. Tetapi di dalam evolusi industri tersebut di era globalisasi, peranannya sudah berubah kerana nilai-nilai komersialisme. Media dijadikan ruang untuk menonjolkan budaya popular khususnya di kalangan

generasi muda. Media juga menjadi perantara di antara budaya tempatan dengan budaya luar yang disalurkan melalui pelbagai rangkaian media. Bagi generasi muda, media menjadi asas rujukan di dalam menimba pengalaman baru yang seterusnya mempengaruhi nilai dan juga gaya hidup mereka. Nilai dan gaya hidup inilah yang kelak mencerminkan identiti budaya generasi muda. Menyalahkan generasi muda di dalam hal berkaitan dengan gaya hidupnya mungkin tidak boleh menyelesaikan masalah sosial mereka. Identiti budaya mereka telah sedikit sebanyak terbentuk oleh persekitaran mereka di dalam konteks industri media yang sudah berkembang pesat di negara ini.

Bab 3, Globalisasi dan Media Global menghuraikan lebih lanjut perkembangan industri media khususnya di peringkat global dalam era globalisasi. Di dalam proses globalisasi, dunia menjadi sempit dan jaringan hubungan semakin meningkat. Isu-isu limpahan siaran dan imperialisme budaya yang satu ketika dahulu hangat dibahaskan kini sudah menjadi isu yang sudah boleh diterima. Penerimaan itu bukan disebabkan ia banyak memberikan kebaikan tetapi penerimaannya adalah sesuatu yang terpaksa kerana tidak banyak usaha lagi untuk menyekat perkembangannya. Isu limpahan siaran tidak relevan lagi. Sebaliknya kemunculan media global dan dasar-dasar kerajaan membolehkan program luar negara terus dipancarkan ke ruang tamu di negara kita melalui rangkaian media global seperti CNN, HBO, ESPN, Star Movie dan sebagainya melalui saluran stesen satelit tempatan. Artikel ini membahaskan apakah kebanjiran program media global ini akan mewujudkan persaingan dengan media tempatan untuk melahirkan generasi muda yang berpengetahuan dan bermaklumat.

Selanjutnya, Bab 4 Media dan Pembentukan Realiti Sosial Remaja cuba mengemukakan pengaruh media di dalam membentuk citra diri remaja. Peningkatan di dalam proses pemediaan selaras dengan tahap pembangunan negara telah mendedahkan remaja kita kepada lebih banyak maklumat melalui media. Persoalannya adalah generasi muda di negara ini berupaya menjalani proses sosialisasinya dengan media. Adakah citra yang dipaparkan diterima sebagai satu realiti atau mereka berupaya mengupas citra media dan memberikan tafsiran mereka sendiri untuk membentuk realiti sosial di dalam persekitaran mereka. Untuk membantu remaja membentuk realiti sosial yang positif dan sesuai dengan persekitarannya, perlu ada intervensi untuk membantu mereka membuat tafsiran realiti sosial daripada media. Peranan

ibu bapa, keluarga dan anggota masyarakat adalah penting untuk membantu di dalam intervensi memberikan tafsiran kepada citra media agar remaja dapat membentuk realiti sosialnya tanpa banyak terpengaruh dengan realiti yang dipaparkan melalui media.

Tingkah laku lepak adalah di antara realiti sosial yang diamalkan oleh generasi muda. Bab 5, Tingkah Laku Lepak, Media dan Pengawasan Keluarga mengemukakan satu pendekatan diagnostik terhadap tingkah laku lepak. Untuk menangani isu tersebut kita mestilah memahami apakah punca asas yang menggalakkan generasi muda membuang masa di tempat-tempat awam. Selain daripada mempunyai harga diri yang rendah, kebanyakan mereka yang melepak juga datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Mereka juga lebih memberikan perhatian kepada media yang berunsur hiburan dan tidak mempunyai role model yang positif untuk memberikan mereka inspirasi. Selain itu pengawasan daripada ibu bapa adalah rendah. Intervensi sosial untuk menangani masalah ini perlu melihat punca-punca asas dan mestilah memberikan penekanan kepada sumber punca mendorong remaja untuk melepak. Program pengisian masa lapang semata-mata tidak akan banyak membantu remaja mengatasi masalah sosial ini.

Bab 6, Nilai dan Gaya Hidup Generasi Muda, cuba melihat sejauh manakah sudah berlaku perubahan nilai di kalangan generasi muda berbanding dengan nilai sedia ada di dalam masyarakat. Berdasarkan perkembangan di dalam persekitaran hidup generasi muda masa kini, baik dari segi kedudukan ekonomi, pendedahan media dan juga kualiti hidup yang lebih baik diandaikan bahawa akan berlaku perubahan di dalam nilai yang dipegang oleh generasi muda. Nilai-nilai asas seperti menghormati kawan, ciri pemimpin yang disukai dan apakah nilai yang diinginkan oleh ibu bapa adalah di antara nilai yang cuba dianalisis perubahannya. Secara umum, walaupun berlaku perubahan nilai di kalangan generasi muda tetapi pada keseluruhannya ciri-ciri nilai tradisional masih tetap utuh.

Persekitaran hidup generasi muda memang sudah berubah. Perubahan itu juga berpunca daripada perkembangan teknologi komunikasi. Bab 7 Generasi Muda dan Internet: Trend dan Isu seterusnya menghuraikan bagaimana generasi muda menghadapi dan memanfaatkan perkembangan teknologi komunikasi khususnya penggunaan internet. Artikel ini mendapati bahawa ketembusan internet di kalangan generasi muda sudah meningkat tetapi

masih lagi tidak boleh menyaingi ketembusan media tradisi seperti radio dan televisyen. Dengan kemudahan infrastruktur yang ada, ketembusan internet perlu lebih tinggi lagi. Selain isu ketembusan, generasi muda juga didapati terbatas dari segi kepelbagaian penggunaan internet. Kebanyakan menggunakan internet hanyalah untuk tujuan hiburan dan bukan untuk tujuan pendidikan dan maklumat yang menjadi asas untuk membentuk masyarakat bermaklumat. Keupayaan penguasaan Bahasa Inggeris juga menjadi kekangan utama untuk membolehkan generasi muda mendapatkan faedah sepenuhnya daripada penggunaan internet.

Bab 8 Media dan Konstruksi Sosial: Implikasi Terhadap Isu Sosial Remaja membicarakan bagaimana media memberikan cermin diri kepada remaja tentang gaya hidup yang harus dilalui dan diikuti. Oleh kerana remaja banyak terdedah kepada pelbagai media ada kemungkinan portrayal watak-watak remaja di dalam media akan mempengaruhi gaya hidup remaja dari segi pakaian, fesyen rambut, cara pertuturan dan sebagainya. Remaja sentiasa mencari isyarat media untuk menentukan corak gaya hidup yang kontemporari. Kemungkinan isu sosial remaja yang berlaku di negara ini kerana media tempatan tidak berusaha memberikan konstruksi sosial yang lebih positif melalui program yang disajikan. Media tempatan boleh membantu membentuk konstruksi sosial yang sesuai sepertimana yang dikehendaki negara melalui perancangan program yang terancang dan bersepadu.

Pengaruh media di dalam pembentukan jati diri generasi muda sentiasa menjadi polemik di kalangan orang ramai. Dengan perkembangan media yang pesat, apakah cara menanganinya? Adalah tidak mungkin untuk kerajaan menyekat perkembangan media di negara ini. Namun begitu kerajaan boleh mengambil tindakan supaya isi kandungan media memaparkan nilai-nilai positif. Dalam konteks ini Bab 9 Industri Kandungan Tempatan dan Identiti Budaya berhujah bahawa cara terbaik menangani pengaruh media di kalangan generasi muda adalah dengan meningkatkan isi kandungan tempatan dalam media. Dengan cara ini paparan media akan lebih berpijak di bumi nyata kerana ia berlaku di dalam konteks masa dan ruang yang selaras dengan ruang hidup generasi muda. Isu kandungan tempatan juga mestilah menunjukkan kepelbagaian agar masyarakat setempat diberikan lebih banyak pilihan untuk memilih corak pendedahan media mereka. Dengan cara itu, isi kandungan media dapat menyumbang kepada pembentukan identiti budaya generasi muda di negara ini.

Isu utama yang menjadi masalah di dalam menangani isu sosial generasi muda adalah kerana ia lebih bersifat stimuli dan respons. Kita hanya mencari jalan menanganinya jika sesuatu masalah itu muncul. Cara kita menanganinya juga tidak menyeluruh kerana kita tidak cuba memahami punca asas berlakunya sesuatu isu itu. Bab 10 *Harnessing Youth Potential in Development: A Case for Development Communication* cuba memberikan perspektif bahawa kita mempunyai pilihan sama ada menangani isu sosial generasi muda secara curative ataupun preventive. Lazimnya kita banyak menggunakan pendekatan curative iaitu cuba mengubati masalah yang telah muncul. Sesuai dengan pendekatan pembangunan belia, pendekatan preventive lebih sesuai digunakan. Maksudnya kita mestilah membangunkan generasi muda untuk mencapai potensi diri dengan sepenuhnya. Jika kita berupaya membangunkan potensi diri mereka, maka isu-isu sosial yang negatif akan dengan sendirinya berkurangan. Strategi komunikasi pembangunan boleh digunakan di dalam mencungkil potensi diri generasi muda kerana ia selaras dengan matlamat komunikasi pembangunan untuk membantu orang ramai keluar daripada belenggu yang sedang dihadapinya.

Bab 11 *The Emerging Generation: Media Penetration and the Construction of Identity among Young Adults in Malaysia* menghuraikan ketembusan media dari segi penggunaan dan orientasi media di kalangan remaja di Malaysia. Sejauh manakah ketembusan media ini telah berjaya membentuk satu pola norma baru yang boleh mencabar dan menggantikan norma semasa. Adakah norma baru ini kelak akan bertembung dengan nilai identiti budaya yang diingini oleh negara? Pembentukan identiti itu juga boleh dibahagikan kepada dua iaitu identiti yang dikehendaki oleh kerajaan dan juga identiti yang terbentuk hasil daripada konstruksi sosial generasi muda itu sendiri. Artikel ini melihat beberapa aspek yang menjadi indikator kepada profil identiti generasi muda. Indikator tersebut termasuklah konsep sendiri, hubungan dengan keluarga, sikap terhadap masyarakat, aktiviti masa lapang, dan juga akses dan penggunaan media.

Media selalu dikaitkan dengan isu sosial generasi muda. Bab 12 *Globalization and National Agenda: Policies and Paradoxes for Youth Development* membicarakan perkembangan pesat industri media sejak pertengahan 1990-an sebagai satu strategi mewujudkan masyarakat bermaklumat dan

berpengetahuan. Namun begitu di dalam usaha mencapai agenda nasional ini, industri media juga dipersalahkan kerana pengaruhnya terhadap salah laku generasi muda. Pertentangan terhadap peranan industri media dalam mencapai agenda nasional ini dianggap satu paradoks kerana dalam masa yang sama juga ia menjadi satu masalah yang mencacatkan pembangunan negara. Sebagai usaha melindungi generasi muda daripada pengaruh yang berkemungkinan negatif daripada media, mungkin perlu diwujudkan satu mekanisme di mana orang ramai boleh membuat bantahan terhadap isu kandungan media yang dianggap tidak sesuai dengan pembangunan generasi muda di negara ini. Generasi muda perlu diberikan kemahiran untuk berhadapan dengan komersialisme media yang kini menganggap mereka sebagai pelanggan yang perlu dirangsang tabii konsumernya dan bukan lagi menganggap mereka sebagai warga yang perlu dididik.

Pembangunan generasi muda pada hari ini masih lagi ketandusan dengan kelompok ilmu yang sesuai untuk membantu kita memahami generasi muda dengan lebih mendalam lagi. Buku ini diharapkan dapat menyumbang ke arah meningkat dan mendalami perspektif kita terhadap generasi muda khususnya di dalam konteks perkembangan industri komunikasi dan teknologi maklumat yang pesat di dalam era globalisasi ini.

Artikel-artikel di dalam buku ini tidak akan dapat dihasilkan tanpa bantuan dan geran penyelidikan daripada pelbagai pihak. Antaranya adalah geran penyelidikan Intensification of Research in Priority Areas (IRPA), geran penyelidikan International Center for Media Studies (ICMS), geran Felo Pelawat Kanan daripada International Institute for Asian Studies (IIAS) dan Nordic Institute for Asian Studies (NIAS) dan geran penyelidikan daripada Kementerian Belia dan Sukan.

Kepada pelbagai pihak yang telah membantu di dalam usaha penerbitan buku ini, saya ucapkan ribuan terima kasih.

Prof. Dr. Samsudin A. Rahim
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
10 Julai 2008
